

29/03/1997

Hubungan tidak ditangguh: PM

FUKUOKA, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, berkata laporan media bahawa Malaysia menangguhkan hubungan baru dengan Singapura adalah tidak benar.

Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dalam siaran berita jam 8 malam ini melaporkan bahawa Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita pada akhir lawatannya ke Osaka Jepun.

Menurut siaran berita itu, Dr Mahathir juga berkata, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghubunginya semalam dan menjelaskan bahawa apa yang dilaporkan itu tidak benar.

"Dia tak kata macam itu," kata Perdana Menteri ketika diminta mengulas laporan media tempatan semalam bahawa Kabinet dalam mesyuarat minggunya pada Rabu lalu memutuskan untuk membekukan urusan dua hala baru dengan Singapura berikutan perbalahan diplomatik berikutan kenyataan Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew mengenai Johor.

Mesyuarat Kabinet itu dipengerusikan oleh Anwar kerana Dr Mahathir berada di Jepun untuk lawatan rasmi.

"Tak ada tangguh, tak ada frozen apapun," kata Dr Mahathir hari ini.

Katanya, laporan itu memberi gambaran seolah-olah Malaysia sengaja mahu bertindak terhadap Singapura.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abang Abu Bakar Mustapha yang juga pemangku Menteri Luar dalam kenyataannya semalam, mengesahkan Kabinet membincangkan beberapa isu mutakhir berkaitan hubungan Malaysia dengan Singapura.

Beliau bagaimanapun menegaskan apa yang dilaporkan media massa adalah 'kurang tepat' dan tiada keputusan dibuat untuk menangguhkan hubungan dengan Singapura. - Bernama

(END)